



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



MAJLIS PENYERAHAN PROJEK  
KAMPUNG ANGKAT MADANI (KAM)  
KAMPUNG KAIDUAN,  
PAPAR, SABAH



BULETIN KPDN

# KANDUNGAN

JULAI - OGOS 2025



MAJLIS PENYERAHAN PROJEK KAMPUNG ANGKAT MADANI (KAM) KAMPUNG KAI DUAN, PAPAR, SABAH	6	MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA SAMBUTAN HARI PENGUAT KUASA KE-53	13
BENGKEL HALA TUJU KAJIAN SEMULA PELAN INDUK PERDAGANGAN PENGEDARAN 2025-2035	8	SESI LIBAT URUS PERATURAN- PERATURAN KAWLAAN BEKALAN (PINDAAN 2021) BERSAMA PERSATUAN PENGUSAHA MAKANAN NEGERI KELANTAN	14
MAJLIS APRESIASI RAKAN STRATEGIK PENGUATKUASAAN SEMPENA SAMBUTAN HARI PENGUAT KUASA KPDN KE-53	9	PERASMIAN STESEN MINYAK SHELL PANCHOR, KOTA BHARU	15
MESYUARAT KHAS PENYELARASAN INISIATIF KEMENCI BELI BARANGAN MALAYSIA	10	MAJLIS PERASMIAN PROGRAM JUALAN RAHMADAN MADANI (PJRM) TERENGGANU 2025	16
KPDN SAMBUT BAIK PERKEMBANGAN INDUSTRI KECANTIKAN DI MALAYSIA	11	MAJLIS PERASMIAN PENUTUP FESTIVAL PENGGUNA (CONFEST 2025)	18
KEMBARA REDI ZON BORNEO 2025 BERJAYA CATAT 10,408 PENDAFTARAN e-WALLET	12	SESI LIBAT URUS SEMAKAN SEMULA PERUNDANGAN E- DAGANG	20

# KANDUNGAN

JULAI - OGOS 2025



MAJLIS HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN KPDN 2025	21	PELANCARAN MENU PROMOSI HARI KEBANGSAAN MELALUI JENAMA LOKAL TEMPATAN	29
PROGRAM JELAJAH KARNIVAL KPDN 2025 DAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA ZON SABAH	22	PROGRAM TRAINING OF SKUAD KITA PENGGUNA (TOS) 2025	30
KONTINJEN KPDN GAH DI PERBARISAN HARI KEBANGSAAN 2025	24	MAJLIS PENYERAHAN KIT MERDEKA DAN KEMPEN LOVE LOCAL	32
MAJLIS PENUTUP TIKTOK SHOP SUMMIT DAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA 2025	25	MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA (HKHM 2025) PERINGKAT KPDN	33
MESYUARAT INISIATIF BELANJAWAN 2026 KPDN	26	KAMI BERTINDAK!	34
MAJLIS AMANAT PERDANA PERKHIDMATAN AWAM KE-20 (MAPPA XX)	28	SOROTAN LENSA KPDN	36




KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# *Selamat Menyambut* **HARI PAHLAWAN**

31 JULAI 2025

*Ikhlas Daripada*

Pengurusan Tertinggi &  
Seluruh Warga Kerja KPDN





*Selamat Menyambut*  
**HARI KEBANGSAAN  
DAN HARI MALAYSIA 2025**

#HKHM2025 #MalaysiaMADANI #RakyatDisantuni #Merdeka360

merdeka360



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) telah menganjurkan Majlis Penyerahan Projek Kampung Angkat MADANI (KAM) serta Jamuan Rakyat Kampung Kaiduhan di Sekolah Kebangsaan Kaiduhan pada 11 & 12 Julai 2025.

Program yang dihadiri lebih daripada 1000 penduduk ini merupakan antara inisiatif baharu Kerajaan Persekutuan yang dimulakan pada tahun 2024. Antara objektifnya adalah untuk merapatkan jurang pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar.

Sejak dilancarkan, Program Kampung Angkat MADANI KPDN ini telah menyaksikan komitmen dan kerjasama semua pihak dalam menggerakkan projek-projek yang telah dikenal pasti berdasarkan aspirasi penduduk setempat. Sebanyak 16 projek pembangunan fizikal yang disenaraikan telah siap sepenuhnya dan kini telah mula dimanfaatkan oleh penduduk.

Di samping itu, beberapa acara telah diadakan bagi menyantuni masyarakat setempat seperti pertandingan sugondoi, pertandingan dazanak dan acara sukan rakyat seperti pukul gong, pertandingan gusti lengan, pertandingan boling kelapa, pertandingan lari dalam guni dan lain-lain.



## 16 Projek Pembangunan Fizikal Bagi Kampung Angkat **MADANI KPDN**

dengan peruntukan **RM2.5 juta**  
telah siap sepenuhnya untuk meningkatkan  
kualiti hidup masyarakat setempat

*Sumber: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup*

# RANCAKKAN MADANI



## **BENGKEL HALA TUJU KAJIAN SEMULA PELAN INDUK PERDAGANGAN PENGEDARAN 2025-2035**

YB Senatar Datuk Dr. Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kas Sarawak Hidup telah hadir dan merasmikan Bengkel Hala Tuju Kajian Semula Pelan Induk Perdagangan Pengedaran 2025–2035 anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kas Sarawak Hidup (KPDN) dengan kerjasama Ipsas Sdn. Bhd pada 1 Julai 2025 di Kuala Lumpur bagi membincangkan hala tuju strategik sektor perdagangan pengedaran negara.

Lebih 80 wakil daripada kementerian, agensi, persatuan dan industri telah menyertai bengkel ini yang memberi tumpuan kepada landskap semasa sektor, isu serta cabaran, penyelesaian berdasarkan teknologi, keperluan industri masa depan, serta perancangan jangka panjang bagi tempoh 2025 hingga 2035.

Pelan Induk Perdagangan Pengedaran (DTMP) 2025–2035 bakal menjadi pemacu utama transformasi sektor melalui digitalisasi, autamasi dan pengukuhan rantai bekalan, selari dengan aspirasi Malaysia MADANI. Turut hadir, YBhg. Datuk Raziah binti Abudin, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri), YBrs. Encik Arun Menan, Pengarah Urusan Ipsas Sdn. Bhd. serta pegawai-pegawai kanan Kementerian.



YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah hadir ke Majlis Apresiasi Rakan Strategik Penguatkuasaan sempena Sambutan Hari Penguat Kuasa KPDN ke-53 pada 3 Julai 2025 di Putrajaya. Majlis ini merupakan manifestasi penghargaan kepada agensi penguat kuasa (Law Enforcement Agencies, LEAs) atas kerjasama dan sumbangan mereka dalam mempertingkatkan ketangkasan penguatkuasaan KPDN di lapangan.



Kalaborasi strategik ini telah membolehkan pelaksanaan operasi bersepadu yang lebih fokus, memperkuuh perkongsian maklumat risikan, mempercepatkan proses serahan kes oleh rakan strategik, serta memudahkan siasatan oleh penguat kuasa KPDN. KPDN kekal komited untuk terus memperkuuh jalinan kerjasama strategik dengan pelbagai pemegang taruh merentasi kementerian dan agensi penguat kuasaan demi memperkasa pelaksanaan fungsi di bawah bidang kuasa dan kawal selia undang-undang.





## KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

*Ministry of Energy Transition and Water Transformation*



### **MESYUARAT KHAS PENYELARASAN INISIATIF KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui Bahagian Pembangunan Perniagaan telah melaksanakan Mesyuarat Khas Penyelarasan Inisiatif Kempen Beli Barang Malaysia pada 3 Julai 2025. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YAB Datuk Seri Fadillah Yusof, Timbalan Perdana Menteri yang turut dihadiri YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup bertempat di Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air Malaysia (PETRA) Putrajaya.

Antara topik perbincangan ialah mengenai penyelarasan inisiatif serta program yang mengutamakan produk tempatan oleh kementerian-kementerian yang terlibat.

Hadir sama, YBhg. Datuk Roziah Abudin, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri), YBhg. Datuk Azman Adam, Ketua Pengarah Bahagian Penguatkuasa KPDN, wakil-wakil kementerian, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi dan Pegawai-pegawai kanan kementerian.

# KPDN SAMBUT BAIK PERKEMBANGAN INDUSTRI KECANTIKAN DI MALAYSIA

YB Senator Datuk Dr. Fuziah Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah merasmikan cawangan baharu Pusat Kecantikan One Doc pada 3 Julai di Kuantan, Pahang. Cawangan ini merupakan cawangan ke-50 yang juga merupakan cawangan pertama untuk Pantai Timur Semenanjung Malaysia.



Turut hadir bersama ialah YAM Tengku Dato' Seri Dr. Baderul Zaman Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Penggerusi One Doc Group dan YBhg.Dato' Rohaizi Bahari, Pengarah Kanan Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan (SDTP) .



Peluasan ini bukan sahaja mencerminkan kejayaan syarikat dalam industri kecantikan, tetapi juga peranan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang bertanggungjawab menyelia sektor perkhidmatan yang tidak dikawal selia (*unregulated services sector*) serta menzahirkan sokongan kerajaan terhadap perkembangan industri ini secara mampan dan berdaya saing.





## **KEMBARA REDI ZON BORNEO 2025 BERJAYA CATAT 10,408 PENDAFTARAN E-WALLET**

Majlis penutup Kembara ReDI Zon Sabah dan Sarawak 2025 telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Roziah Abudin, Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri) KPDN pada 5 Julai 2025 di Tawau, Sabah. Kembara ReDI telah tamat selepas 10 hari (26 Jun–5 Julai) dengan 24 peserta daripada enam (6) kumpulan yang merentasi 2,421 km dari Semantan, Sarawak ke Tawau, Sabah.

Kembara ReDI ini melibatkan 30 lokasi dan mencatat 10,408 pendaftaran e-wallet untuk peniaga kecil di pedalaman dan luar bandar. Pasukan Delta muncul juara dengan 2,471 pendaftaran, membawa pulang hadiah e-wallet RM4,000, medal, dan sijil. Tempat kedua dimenangi pasukan Charlie (2,447 pendaftaran, hadiah RM3,000), manakala pasukan Alpha di tempat ketiga (2,070 pendaftaran, hadiah RM2,000). Tiga pasukan lain menerima hadiah saguhati e-wallet RM400, medal, dan sijil.

Turut hadir ialah YBhg. Dato' Rohaizi Bahari (Pengarah Kanan, Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan), YBrs. En. Muhamad Hanif Asa'ari (Pengarah Sekretariat SPIP), YBrs. En. Shahril Nizam Shahidin (Pengarah KPDN Sabah), YBrs. Pn. Junaidah Arbain (Pengarah KPDN W.P Labuan), wakil syarikat platform e-wallet, dan pegawai kanan kementerian.



YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah menghadiri Majlis Makan Malam bersempena Sambutan Hari Penguat Kuasa Ke-53 di Dewan Seri Perdana, Shah Alam pada 7 Julai 2025. Majlis ini turut dihadiri oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

YAB Timbalan Perdana Menteri menzahirkan penghargaan terhadap warga penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang komited dalam memastikan kestabilan pasaran domestik serta melindungi kepentingan rakyat. Beliau turut memuji kejayaan pelaksanaan inisiatif seperti OPS KESAN dan OPS TIRIS yang berjaya menangani ketirisan serta penyasaran subsidi secara berkesan.

Dalam majlis yang sama, turut disampaikan Anugerah Kecemerlangan Penguatkuasaan (AKP) Tahun 2024. Pengiktirafan ini diharap dapat menyuntik semangat dan meneruskan momentum kecemerlangan dalam memperkasa bidang penguatkuasaan khususnya di dalam KPDN. Turut hadir, YB Senator Datuk Dr. Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha KPDN, YBhg. Dato' Haji Amran Haji Ahmad TKSU PPP, YBhg. Datuk Azman bin Adam, Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN, serta pegawai-pegawai kanan Kementerian.

**SESI LIBAT URUS PPKB (PINDAAN) 2021**

bersama  
**Persatuan Peniaga Makanan Negeri Kelantan**

8 Julai 2025 (Selasa) | Kota Bharu, Kelantan

**YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI**  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sarawak Hidup



## **SESI LIBAT URUS PERATURAN-PERATURAN KAWALAN BEKALAN (PINDAAN 2021) BERSAMA PERSATUAN PENGUSAHA MAKANAN NEGERI KELANTAN**

YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup telah mengadakan sesi Libat Urus Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan (PPKB) (Pindaan 2021) bersama 90 orang wakil peniaga makanan dan minuman di Kota Bharu, Kelantan pada 8 Julai 2025.

Sesi ini bertujuan untuk memperkuuh kefahaman dan pelaksanaan PPKB dalam kalangan para pemain industri serta memastikan peraturan tersebut relevan dengan keperluan semasa. YB Datuk Armizan turut menekankan kepentingan kerjasama erat antara agensi penguatkuasaan, peniaga dan pengguna bagi mengawal selia bekalan barang kawalan serta memastikan kestabilan harga di pasaran.

Dalam sesi ini, pelbagai isu berkaitan pelaksanaan PPKB dibincangkan termasuk cadangan penambahbaikan melibatkan pandangan pemegang taruh melalui pendekatan whole of nation. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Azman bin Adam, Ketua Penguat Kuasa KPDN dan YBrs. Tuan Haji Azman bin Ismail, Pengarah KPDN Kelantan.





Pada 8 Julai 2025, YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup meluangkan masa untuk menyempurnakan Majlis Perasmian Stesen Minyak Shell Panchor, Kota Bharu, Kelantan.



Beliau sempat menyantuni penunggang motosikal yang mendapat manfaat inisiatif pengisian minyak percuma sempena perasmian stesen tersebut.



## MAJLIS PERASMIAN PROGRAM JUALAN RAHMAH MADANI (PJRM) TERENGGANU 2025



Pada 12 Julai 2025, YB Senator Datuk Dr. Hajah Fuziah Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah merasmikan Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) Terengganu 2025 bertempat di Dataran Shahbandar, Kuala Terengganu, Terengganu.



Program Jualan RAHMAH MADANI ini berlangsung selama tiga (3) hari bermula 10-12 Julai 2025. Pelbagai barang ditawarkan dengan pengurangan harga bermula 10% hingga 30% daripada harga pasaran dan memberi manfaat kepada warga tempatan dalam mengurangkan beban kos sara hidup yang semakin meningkat.





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# PJRM 2025 : KPDN SASAR 20,000 SIRI MELALUI 3 ELEMEN PENAMBAHBAIKAN

- **KEKERAPAN PELAKSANAAN PJRM**


Meningkatkan kekerapan pelaksanaan PJRM meliputi 222 kawasan Parlimen & 600 Dewan Undangan Negeri (DUN) seluruh negara.

- **LEBIH BANYAK PILIHAN BARANGAN**

Penambahan bilangan jenis Stock Keeping Unit (SKU) barang keperluan asas harian ditawarkan secara bersasar.

- **KERJASAMA BERSAMA RAKAN STRATEGIK PERUNCITAN DIPERLUAS**

Lebih banyak penglibatan rakan strategik peruncitan melalui kaedah PJRM Bergerak, Dalam dan Luar Premis.



**YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI**

MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP



Festival Pengguna (CONFEST 2025) yang bermula pada 11—13 Julai 2025 berlangsung dengan penuh semangat dan pengisian yang menarik. YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup telah merasmikan Majlis Penutup Festival Pengguna (CONFEST 2025) pada 13 Julai 2025 bertempat di ITCC Penampang, Kota Kinabalu, Sabah.

CONFEST 2025 merupakan inisiatif anjuran Bahagian Gerakan Kepenggunaan, KPDN yang mengetengahkan pendekatan didik hibur (edutainment) dalam menyampaikan maklumat berkaitan kepenggunaan kepada masyarakat. Program ini bukan sahaja menjadi platform penyampaian dasar dan inisiatif kerajaan MADANI, malah turut merapatkan hubungan antara kementerian dengan rakyat melalui pelbagai aktiviti interaktif dan berimpak tinggi.

Sesi penyampaian hadiah kepada para pemenang pelbagai pertandingan sepanjang siri CONFEST 2025, termasuk Pertandingan Battle of the Buskers, Pertandingan Bicara Berirama Kepenggunaan, Pertandingan Sketsa Muzikal Kepenggunaan, Pertandingan E-sports Mobile Legends: Bang Bang & Pertandingan Sorakan Perang (War Cry). Penghargaan ini diberikan kepada individu dan kumpulan yang berjaya menonjolkan kreativiti serta kefahaman mendalam terhadap isu-isu kepenggunaan, selaras dengan objektif utama festival.

Kemeriahannya turut diserikan dengan penyertaan si cilik dalam Pertandingan Mewarna dan Pertandingan Reka Bentuk Blok yang menjadi pentas untuk mereka mengekspresikan kreativiti melalui seni dan strategi dalam membina rekaan tersendiri.

Tak lupa juga, aktiviti seperti Eksplorasi Troli Pintar yang menguji pengetahuan pengguna dan kemahiran membuat pembelian secara bijak melalui simulasi pembelian barang harian. Peserta dibekalkan dengan bajet sebanyak RM200, dan perlu membuat pilihan pembelian yang tepat berpandukan prinsip kepenggunaan yang betul.





## **SESI LIBAT URUS SEMAKAN SEMULA PERUNDANGAN E-DAGANG**

YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup telah mengadakan sesi Libat Urus Semakan Semula Perundangan E-Dagang di Hotel Zenith Putrajaya pada 17 Julai 2025.



Sesi libat urus ini bertujuan meningkatkan kesedaran tentang cabaran kawal selia e-dagang serta mengumpul pandangan pemegang taruh bagi membina kerangka perundangan yang lebih kukuh dan inklusif.

Turut hadir ialah YB Senator Datuk Dr. Hajah Fuziah Salleh, Timbalan Menteri KPDN, YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi Bakar, Ketua Setiausaha KPDN, YBhg. Datuk Roziah Abudin, Timbalan Ketua Setiausaha KPDN.





## MAJLIS HARI TERBUKA PERPUSTAKAAN KPDN 2025

Unit Pusat Sumber, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan, KPDN telah menganjurkan Majlis Hari Terbuka Perpustakaan pada 17 Julai 2025 di Perpustakaan KPDN, Putrajaya.

Antara pengisian utama ialah Pelancaran Sistem Repositori Digital KPDN dan Sistem Perpustakaan KPDN yang dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).



Pelancaran sistem tersebut adalah untuk memperkuuh infrastruktur digital dan memudahkan capaian ilmu pengetahuan kepada semua warga kementerian.

Turut diadakan ialah sesi Pocket Talk bertajuk 'Membaca, Ilmu dan Inspirasi' serta penyampaian hadiah dan sijil kepada peserta program yang dianjurkan oleh perpustakaan.



## **PROGRAM JELAJAH KARNIVAL KPDN 2025 DAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA ZON SABAH**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) meneruskan penganjuran Program Jelajah Karnival KPDN dan Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) 2025 Zon Sabah yang berlangsung di Kompleks Sukan Ranau, Sabah.

Majlis perasmian karnival ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dalam suasana penuh meriah dan mendapat sambutan hangat daripada masyarakat setempat.

Karnival ini berlangsung selama tiga (3) hari bermula 25 hingga 27 Julai 2025 dan berjaya menarik lebih daripada 23,000 pengunjung dari pelbagai latar belakang. Penganjuran ini menjadi platform utama KPDN dalam merakyatkan perkhidmatan kerajaan hingga ke akar umbi khususnya dalam memperkenalkan perkhidmatan di bawah tanggungjawab dan kefungsian KPDN kepada orang ramai.

Pelbagai pengisian yang menjadi tumpuan pengunjung seperti pertandingan e-Sports Sara Hidup, sesi Pocket Talk, Karnival Kerjaya dengan kerjasama PERKESO, Pertandingan Mipulos (Gusti Lengan), Pertandingan Akhir Bintang Lokal KPDN dan Persembahan Tarian Kebudayaan Negeri Sabah serta Aktiviti Ekspedisi Kos Sara Hidup yang memberi pendedahan secara langsung mengenai langkah penjimatan bijak.

Pada masa sama, Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) 2025 turut diperkasakan menerusi pelaksanaan karnival ini dengan tema “Jom Beli Lokal”. Tema ini membawa mesej penting kepada rakyat Malaysia untuk terus menyokong produk buatan tempatan sekaligus membantu merangsang pertumbuhan ekonomi domestik.

Turut diadakan ialah Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) yang menawarkan potongan harga antara 10% hingga 30% bagi pelbagai barang keperluan harian dan Menu RAHMAH yang menawarkan juadah pada harga serendah RM5, sekaligus menyokong aspirasi kerajaan dalam memastikan akses makanan mampu milik untuk semua lapisan masyarakat.





Kontinjen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) tampil penuh bersemangat pada Perbarisan Hari Kebangsaan 2025 yang berlangsung di Dataran Putrajaya pada 31 Ogos 2025. Dengan kekuatan 256 anggota penguat kuasa yang tampil kemas serta berbaris rapi, kontinjen KPDN memukau ribuan penonton di lokasi perbarisan.



Penyertaan KPDN dalam acara penuh bermakna ini bukan sahaja melambangkan semangat patriotisme warga kementerian, malah mencerminkan komitmen untuk terus mendukung agenda MADANI dalam menjaga kebajikan rakyat. Kehadiran mereka menjadi simbol kekuatan, disiplin, dan dedikasi dalam memastikan kepentingan pengguna serta kelangsungan ekonomi negara sentiasa terpelihara.

# I VIII I MALAYSIA

2025

Turbocharge Your Business



YB Senator Datuk Dr. Hajah Fuziah Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup telah merasmikan Majlis Penutup TikTok Shop Summit 2025 dan Kempen Beli Barang Malaysia 2025 di Setia Alam, Selangor pada 24 Julai 2025. TikTok Shop merupakan antara rakan strategik kementerian yang mendukung lima (5) teras pembangunan negara iaitu memperkasa ekonomi digital, menyokong pembangunan Perusahaan Kecik dan Sederhana (PKS), memberdaya golongan sasar, mengangkat budaya tempatan dan memperkuatkan ekonomi luar bandar.

Kementerian juga sentiasa berusaha mengangkat produk tempatan, memperkasa ekonomi rakyat serta memastikan Malaysia terus melangkah ke hadapan sebagai sebuah negara yang inovatif, inklusif dan berdaya saing dalam era ekonomi digital.



## MESYUARAT INISIATIF BELANJAWAN 2026 KPDN

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan (BKKPK) dengan kerjasama Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Antarabangsa (BDPSA) telah menganjurkan persidangan Mesyuarat Inisiatif Belanjawan 2026 bertempat di Hotel Park Royal Collection, Kuala Lumpur pada 7 Ogos 2025.

Penganjuran persidangan mesyuarat Inisiatif Belanjawan 2026 ini adalah bertujuan merangka dan membincangkan cadangan KPDN bagi tahun 2026 selaras Belanjawan 2026 yang dijadual akan dibentangkan di Parlimen pada 10 Oktober 2025.

Dapatan perbincangan perancangan inisiatif belanjawan dan penyimpulan sepanjang mesyuarat berlangsung selama dua (2) hari bermula 6-7 Ogos 2025 telah dibentang di hadapan YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup serta mendapat ulasan dan panduan oleh beliau seterusnya akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MoF).

Dalam masa yang sama, YB Menteri turut mempengerusikan mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian Bilangan 1 Tahun 2025 seperitimana yang telah digariskan dalam Arahan No. 1 2023 bagi membincangkan prestasi terkini perbelanjaan dan pelaksanaan projek / program pembangunan di bawah RP5 RMK12.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



# PERUNTUKAN JUALAN RAHMAH MADANI DIGANDAKAN KEPADA

## RM600 JUTA



**Meningkatkan kekerapan**  
Jualan Rahmah Madani



**Mempelbagaikan** jenis barang  
keperluan harian



**Memperluas lokasi** PJRM meliputi  
600 DUN di seluruh negara



Imbas QR untuk  
semak takwim lokasi  
& tarikh PJRM





YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri telah menyempurnakan Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam ke-20 (MAPPA XX) pada 15 Ogos 2025 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Majlis yang bertemakan Perkhidmatan Awam MADANI Teras Kecemerlangan turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Dato' Sri Shamsul Azri Abu Bakar, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBhg. Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Haji Abd. Aziz dan YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi Bakar, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

MAPPA XX merupakan platform bagi YAB Perdana Menteri menyampaikan amanat untuk mereformasikan sektor perkhidmatan awam ke arah perkhidmatan yang lebih cekap dan produktiviti.



# Kopitiam Ali, Muthu & Ah Hock



YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak telah hadir pada 16 Ogos 2025 bagi meraikan satu jenama lokal tempatan iaitu Kopitiam Ali, Muthu & Ah Hock yang telah menerima pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBR) atas pencapaian rekod tertinggi dalam negara dengan penjualan sebanyak 452,162 pinggan nasi lemak sepanjang tahun 2024 bertempat di Kopitiam Ali, Muthu & Ah Hock Petaling street, Kuala Lumpur.

Nasi lemak merupakan menu kebangsaan yang menjadi citra perpaduan kaum. Sempena sambutan Bulan Kebangsaan 2025, Kopitiam Ali, Muthu & Ah Hock mengambil pendekatan sendiri bagi menggambarkan komitmen mereka dengan melancarkan promosi diskaun 50 peratus menu Nasi Lemak daripada harga asal RM13.90 kepada RM6.80 untuk memaknai dan menyemarakkan rasa cinta kepada tanah air sepanjang bulan kebangsaan.

Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) merupakan salah satu inisiatif di bawah KPDN dalam membantu usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) mempromosi produk buatan tempatan dan menarik minat pengguna tempatan untuk membeli dan menyokong produk lokal.





YBhg. Dato' Hj. Amran Bin Hj. Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna dan Pengurusan), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) telah hadir merasmikan Program Training of Skuad Kita Pengguna (SKiP) yang diadakan di Kenyir Ballroom, DoubleTree by Hilton Putrajaya Lakeside. Program yang berlangsung pada 19 Ogos 2025 telah disertai seramai 120 orang peserta yang terdiri daripada Pesara Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pegawai daripada Bahagian KPDN.



Antara pengisian utama yang dibawakan dalam program ini ialah penerangan mengenai hak pengguna dan pengenalan SKiP, saluran aduan pengguna serta isu berkaitan penipuan dalam talian.



# AWAS!

## IKLAN PROMOSI PALSU DALAM TALIAN

Jangan mudah terpedaya dengan tawaran harga terlalu murah yang tidak masuk akal dan meminta bayaran pendahuluan sebagai jaminan pembelian.

- SEMAK BUTIRAN PENIAGA
- SEMAK REVIEW

**JANGAN BIARKAN**  
ANDA MENJADI MANGSA JENAYAH E-DAGANG!





## MAJLIS PENYERAHAN KIT MERDEKA DAN KEMPEN LOVE LOCAL

Majlis Penyerahan Kit Jalur Gemilang sempena Sambutan Bulan Kebangsaan Tahun 2025 di bawah Inisiatif 1 Rumah 1 Jalur Gemilang (Kluster Industri) yang diselaraskan oleh Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) dengan kerjasama strategik PETRONAS Dagangan Berhad telah berlangsung pada 24 Ogos 2025 bertempat di PETRONAS Papar, Sabah.

YB Datuk Armizan Mohd Ali, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup telah menyempurnakan penyampaian Kit Jalur gemilang kepada rakan strategik industri iaitu PETRONAS Dagangan Berhad serta merasmikan pelancaran Kempen Love Local PETRONAS Tahun 2025.

Inisiatif ini merupakan langkah PETRONAS dalam menyokong Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM), di mana sepanjang kempen tersebut, produk keluaran perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) tempatan akan dipamerkan di rak khas Kedai Mesra PETRONAS yang ditandai dengan logo KBBM bermula 25 Ogos hingga 30 September 2025.





## MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA (HKHM 2025) PERINGKAT KPDN

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah melancarkan Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM 2025) peringkat Kementerian pada 28 Ogos 2025 bertempat di Putrajaya dengan memaknai tema Sambutan Bulan Kebangsaan 2025 iaitu "Malaysia MADANI: Rakyat Disantuni."

Antara pengisian HKHM KPDN 2025 ialah Pertandingan Kuiz 5763, Pertandingan Kolaj@Merdeka, Pertandingan Merdeka Explorace dan Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM) Bulan Kebangsaan.

Selain itu, bersempena Bulan Kebangsaan 2025 ini, KPDN melalui agensi Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) melaksanakan inisiatif Tawaran Diskaun Bagi Pendaftaran Cap Dagangan, menyediakan Perkhidmatan Bas Ezbiz On-The-Go 2.0 dan juga Kempen Shopee Payung RM100.



Turut hadir ialah YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi Bakar, Ketua Setiausaha KPDN, YBhg. Dato' Haji Amran bin Haji Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Pendayaupayaan Pengguna dan Pengurusan, YBhg. Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif SSM, dan juga YBhg. Datuk Haji Iskandar Ismail, CEO MyCC.



## AKTIVITI PENGUATKUASAAN KPDN NEGERI SABAH

Sepasukan Pegawai Penguin kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sabah Cawangan Tawau telah menjalankan Pemeriksaan OPS Tiris, Pemeriksaan Stesen minyak, pemeriksaan statik dan pemeriksaan tanda harga di sekitar kawasan daerah Tawau.

Hasil pemeriksaan ke atas stesen minyak di sekitar Tawau mendapati mereka patuh dalam menyediakan Peti dan Buku Log Lawatan KPDN serta undang-undang yang ditetapkan.

Sebanyak 46 kenyataan pemeriksaan premis (KPP) telah dikeluarkan terhadap stesen minyak. Peniaga juga diingatkan untuk sentiasa mengamalkan etika perniagaan yang baik. Tindakan tegas akan dikenakan kepada mana-mana peniaga yang gagal mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan.



## AKTIVITI PENGUATKUASAAN KPDN WP LABUAN

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Negeri (KPPN) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Wilayah Persekutuan Labuan, Tuan Amiluddin bin Malang, telah turun padang bersama pasukan penguat kuasa KPDN Labuan pada 27 Ogos 2025 bagi menjalankan pemantauan serta melaksanakan advokasi kepentingan penandaan harga kepada para peniaga di Pasar Sentral UTC Labuan.

Pemeriksaan bekalan juga turut dilaksanakan di beberapa premis tetap sekitar bandar Labuan. Sebanyak 45 premis diperiksa dan hasil pemeriksaan mendapati kesemuanya mematuhi peraturan yang ditetapkan. Bekalan barang kawalan berada pada tahap stabil, mencukupi serta dijual mengikut harga kawalan semasa.

KPDN Labuan menasihatkan para peniaga, khususnya di pasar-pasar awam yang menjadi tumpuan pengguna, agar terus mengekalkan kepatuhan kepada perundangan, terutamanya dalam aspek penandaan harga serta kepatuhan penggunaan alat timbang.



## SOROTAN





## LENSA KPDN





## SOROTAN





# LENSA KPDN



PROGRAM JELAJAH  
KARNIVAL KPDN  
**2025**

ZON SABAH  
DAN

KEM PEN  
BELI BARANGAN  
MALAYSIA  
ZON SABAH



**FESTIVAL  
PENGGUNA  
(CONFEST)**

**2025**



TERBITAN:



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP  
NO. 13, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2, 62623  
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

f X @ # YouTube KPDN